

# Serumpun Kasih KSU

**YBhg Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara



## Assalamualaikum dan Salam Perpaduan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan salam perpaduan kepada warga Kementerian Perpaduan Negara. Sepanjang tahun 2021 kita memperoleh beberapa kejayaan dalam mewujudkan beberapa Dasar baharu berkenaan Perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia. Kini, kita melangkah pula ke tahun 2022. Apa yang paling baik ialah kita perlu melakukan muhasabah diri dan mengambil langkah-langkah kolektif untuk menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita selaras dengan Visi, Misi dan Piagam Pelanggan yang telah kita janjikan.

Seperti yang telah diarahkan oleh YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara, tahun 2022 adalah tahun pelaksanaan kepada semua dasar yang telah diwujudkan. Segala perancangan ke arah menjayakannya memerlukan kerjasama semua pegawai di kementerian ini. Saya amat yakin dengan gandingan semua, kita akan dapat melaksanakannya dengan

sebaik mungkin. Buletin ini adalah buletin terbitan kedua bagi tahun 2022 memaparkan kejayaan-kejayaan program yang telah dirancang. Ia juga sebagai rujukan kepada kejayaan bagi program-program lain yang telah dirancang oleh kementerian.

Besarlah harapan saya agar Buletin Uniti KPN ini dapat memberikan maklumat-maklumat berkenaan pelan dan program yang telah dilaksanakan oleh KPN. Saya juga berdoa agar segala usaha kita dalam menjayakan perancangan kementerian dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang.

Tanpa kerjasama kukuh, segala yang dirancang sudah tentu tidak akan menjadi kenyataan. Pemuafakatan adalah asas dalam menterjemah aspirasi Kementerian Perpaduan Negara. Saya amat menghargai segala usaha dan kerja keras seluruh warga kementerian. Penetapan dan hala tuju serta strategi yang jelas akan memacu Kementerian Perpaduan Negara ke arah yang lebih gemilang.



## SIDANG REDAKSI

Editorial

**PENASIHAT:**

YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara

**KETUA PENGARANG:**

YM Dato' Tengku Khalidah binti Tengku Bidin

**KETUA PENYELARAS:**

Encik Mohd Saufi bin Mohd Isa

**PEMBANTU PENYELARAS:**

Encik Norisam bin Sahidan  
Encik Alex Yap Wen Kang  
Encik Imaan Hidayat bin Syafarian

Sidang redaksi Buletin Uniti KPN 2022 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KPN dan semua bahagian yang telah menjayakan penerbitan Buletin Uniti KPN 2022 Edisi Mei - Julai.

Sebarang makluman dan pertanyaan sila hubungi:

Sidang Redaksi Buletin Uniti KPN 2022,  
Unit Komunikasi Korporat,  
Aras 5 - 10, Blok F9, Parcel F,  
Lebuh Perdana Timur,  
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA.

Tel : 03-8091 8000

<https://www.facebook.com/PerpaduanNegara>



## Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga Kementerian Perpaduan Negara

Majlis ini telah berlangsung pada 20 April 2022 bertempat di Dewan Damar Sari Kompleks F8, Putrajaya bagi mengeratkan hubungan semua warga Kementerian Perpaduan Negara. Anak-anak yatim dan asnaf dari Rumah Warisan Suci dan Yayasan Noor Manzil turut dijemput bagi memeriahkan suasana majlis.

YBhg. Ustaz Mohd Meeftah Anuar, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah dijemput menyampaikan tazkirah sebelum majlis berbuka puasa.






## Program Semarak Perpaduan Muafakat KAMI@Keluarga Malaysia

Pada 20 April 2022, Program Semarak Perpaduan Muafakat KAMI@Keluarga Malaysia telah berlangsung di Kementerian Perpaduan Negara.

Program tersebut turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg Dato' Indera Noridah Abdul Rahim untuk bersama-sama mengedarkan bubur lambuk kepada warga Kementerian Perpaduan Negara. Bubur Lambuk tersebut disediakan oleh jentera perpaduan KRT Fasa 11, Presint 9, Putrajaya.





## Program Semarak Perpaduan Keluarga Malaysia : Iftar Kasih Ramadhan Rakan Perpaduan

Program Semarak Perpaduan Keluarga Malaysia Iftar Kasih Ramadan Rakan Perpaduan telah berlangsung pada 27 April 2022 bertempat di Kangar, Perlis.

Dalam majlis tersebut, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dari Rumah Mesra Kasih, Maahad Tahfiz Ar Rahman, Al Hikmah dan Rt Cares Skuad Uniti sebagai persiapan menyambut Aidilfitri.





Merakyatkan Perpaduan Keluarga Malaysia

## Program Semarak Perpaduan Keluarga Malaysia : Jom Moreh Sembang Perpaduan bersama Menteri Perpaduan Negara

Program Semarak Perpaduan Keluarga Malaysia : Jom Moreh Sembang Perpaduan telah berlangsung pada 27 April 2022 bertempat di Kampung Berjaya, Alor Setar, Kedah. Program disambut meriah dengan kehadiran YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara bersama ahli-ahli KRT Kampung Berjaya yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Dalam menikmati suasana moreh, YB Menteri Perpaduan Negara turut menyampaikan sumbangan kepada ahli KRT terpilih. Menariknya, juadah moreh yang dihidangkan pada kali ini dibuat dan dimasak sendiri oleh Jiran Wanita Kampung Berjaya.





## Lawatan ke Kampung Baru Tanjung Thai Pedu

YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadiqe, Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan lawatan ke Kampung Tanjung Thai Pedu, Padang Terap, Kedah pada 28 April 2022. Semasa sesi lawatan tersebut, YB Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan bantuan beberapa barang keperluan kepada tiga buah rumah komuniti di Kampung berkenaan.

YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadiqe juga telah mengadakan lawatan ke Watt Phikulthararam, Kampung Baru Tanjung Thai Pedu, Padang Terap. Lawatan ini disambut meriah oleh penduduk Kampung Tanjung Thai.



## Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah berlangsung pada 17 Mei 2022 di Dewan Damar Sari dalam suasana yang meriah.

KPN juga amat teruja apabila YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob sudi melapangkan masa hadir sama memeriahkan Majlis Sambutan Aidilfitri ini.





Antara Menteri Kabinet yang hadir sama memeriahkan majlis tersebut ialah YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato' Sri Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan serta YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan. YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia turut sama memeriahkan lagi sambutan ini.

Suasana meriah ini melambangkan betapa indahnya semangat perpaduan Keluarga Malaysia.



## Program Jom Tengok Bola-UNITI Bersama Harimau Muda

Program Jom Tengok Bola-Uniti Bersama Harimau Muda telah berlangsung pada 19 Mei 2022 di Restoran Hakim, Shah Alam, Selangor. Program ini mendapat sambutan yang meriah daripada penyokong yang terdiri daripada berbilang kaum. Semua penyokong memakai baju jersey Malaysia sebagai tanda menyokong pasukan Harimau Muda Malaysia. YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan plak Citarasa Keluarga Malaysia kepada Restoran Hakim sebagai menghargai usaha dalam memupuk nilai-nilai perpaduan.



## Program Jom Tengok Bola-UNITI Bersama Harimau Muda

Program Jom Tengok Bola-Uniti bersama Harimau Muda anjuran Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Astro Awani telah diadakan pada 22 Mei 2022 bertempat di Restoran Syed Bistro, SS6, Petaling Jaya, Selangor.

Program ini turut dilaksanakan serentak di 52 lokasi seluruh negara yang telah mendapat sambutan yang amat meriah daripada penyokong Keluarga Malaysia.



## Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia Peringkat Parliment Jempol

Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia telah berlangsung pada 4 hingga 6 Jun 2022 bertempat di Dewan Feldajaya Selatan, Bandar Sri Jempol, Negeri Sembilan. YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan Sumbangan Prihatin Keluarga Malaysia kepada seramai 300 penerima yang terdiri daripada pelbagai kaum.

YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique turut menyempurnakan penyerahan topi dan vest Skuad Uniti RT Cares kepada ahli Komuniti Rukun Tetangga (KRT). Turut hadir ialah YB Datuk Seri Haji Mohd bin Salim Sharif, Ahli Parliment Jempol merangkap Pengurus Pihak Berkuastra Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), YB Tuan Teo Kok Seong, Exco Perumahan Negeri Sembilan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bahau, YB Dato' Manickam Letchumanan, ADUN Jeram dan YBhg Dato Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.



## Program KPN Prihatin Keluarga Malaysia

Pada 4 Jun 2022, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri Program KPN Prihatin Keluarga Malaysia bertempat di Dewan Feldajaya Selatan, Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan. YB Menteri Perpaduan Negara telah mengagihkan Kotak MITRA dan Kotak RT Cares kepada golongan B40 yang terdiri daripada pelbagai kaum.



# Lawatan Permaisuri Agung Ke Taska Genius Perpaduan



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan berangkat ke Taska Genius Perpaduan, Taman Sri Rampai, Kuala Lumpur. Lawatan ini bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mus'tain Billah.

Dalam lawatan ini, KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menerima sembah taklimat berkenaan perjalanan operasi Taska Genius Perpaduan, Taman Sri Rampai, Selangor daripada YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong turut berkenan mengurniakan sumbangan kepada taska ini.



## Program Jom Tengok Bola-UNITI Bersama Harimau Malaya

Pada 14 Jun 2022, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Astro Awani, Perbadanan Putrajaya dan Kelab Belia Wawasan Putrajaya telah menganjurkan Program Jom Tengok Bola - UNITI Bersama Harimau Malaya bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya.

Turut hadir Presiden Perbadanan Putrajaya YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBrs. Dr. Kang Tong Hum dan Pengurus Kelab Belia Wawasan Putrajaya, YBrs. Encik Muhamad Saiful Sulaiman.



## Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia (SUKM) Peringkat Negeri Johor

Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Johor telah berlangsung dari 18 hingga 19 Jun 2022 bertempat di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor. Pelbagai aktiviti dilaksanakan dalam program ini seperti Unity Ride, Plogging, Jom Sihat Uniti Keluarga Malaysia, Rumah Keluarga Malaysia dan pelbagai aktiviti lain. YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara turut menyampaikan bantuan kotak makanan RT Cares kepada seramai 400 orang penerima daripada kalangan masyarakat B40.



## Program Ramah Tamah UNITI Kaamatan dan Gawai

Pada 25 Jun 2022, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program Ramah Tamah Uniti Kaamatan & Gawai yang telah diadakan di The Mines 2, Seri Kembangan, Selangor.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat di Semenanjung berkaitan kebudayaan Negeri Sabah dan Sarawak seterusnya meraikan kepelbagaian kita sebagai Keluarga Malaysia.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBrs. Dr. Kang Tong Hum, Timbalan Ketua Setiausaha dan YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, serta Pn Gangging Anak Sanggau, Presiden Persatuan Anak Borneo Semenanjung.





## Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Peringkat Negeri Perak

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia telah berlangsung pada 1 hingga 3 Julai 2022 bertempat di Litar Dato' Sagor, Pasir Salak, Perak. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) turut mengadakan pameran yang meliputi pelbagai aktiviti seperti Kuiz Perpaduan dan Roda Perpaduan kepada pengunjung yang berkunjung ke reruai KPN.






## Kunjungan Hormat YB Menteri Perpaduan Negara Ke Atas YAB Menteri Besar Johor

Pada 4 Julai 2022, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara bersama pihak pengurusan tertinggi Kementerian Perpaduan Negara telah melakukan kunjungan hormat kepada Menteri Besar Johor, YAB Dato Onn Hafiz bin Dato' Ghazi di Kota Iskandar, Johor Bahru, Johor bagi menyampaikan Mock Cheque untuk pembangunan Kampung Baru Cina.

Turut hadir dalam kunjungan tersebut ialah YB Tuan Ling Tian Soon, EXCO Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YBhg Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, dan YBrs. Dr Kang Tong Hum, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.







## Majlis Penyampaian Geran Bantuan Kewangan Kepada Rumah Ibadat Selain Islam (RISI)

Pada 6 Julai 2022, telah diadakan Majlis Penyampaian Geran Bantuan Kewangan kepada Rumah Ibadat Selain Islam. Majlis ini telah dihadiri seramai 92 orang wakil rumah ibadat daripada 10 buah. Mereka menerima geran untuk menjalankan pembinaan dan penyelenggaran rumah ibadat.

Turut hadir ialah, YB Senator Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal, Timbalan Menteri Perpaduan Negara YBrs. Dr. Kang Tong Hum, Timbalan Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional YBrs. Encik Raveendran Nair A/L Kesavan Nair, Ketua Pengarah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) YBrs. Tuan Lim Shean Lee, Pengarah Bahagian Kampung Baru Cina.



## Kunjungan Hormat YB Menteri Perpaduan Negara ke atas YAB Menteri Besar Pahang

Kunjungan hormat Kementerian Perpaduan Negara ke atas Menteri Besar Pahang, YAB Dato Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail telah diadakan pada 7 Julai 2022 di Wisma Sri Pahang, Pahang. Melalui pertemuan ini pelbagai perkara telah dibincangkan khususnya dalam konteks Kementerian Perpaduan Negara mengukuhkan hubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Turut hadir ialah YB Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, EXCO Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, Pegawai Kewangan Negeri, YBrs. Dr Kang Tong Hum, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YH Dato' Razihan bin Adzharuddin, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pahang.





## Kunjungan Hormat YB Menteri Perpaduan Negara ke atas YAB Ketua Menteri Melaka

Pada 8 Julai 2022, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara bersama pengurusan tertinggi Kementerian Perpaduan Negara telah melakukan kunjungan hormat kepada YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali di Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Melalui Kunjungan Hormat ini, pelbagai perkara telah dibincangkan khususnya dalam konteks Perpaduan Negara dan juga usaha dalam mengukuhkan hubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.



## Program KPN Prihatin : Gerak Kerja Pasca Banjir

Pada 14 Julai 2022, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara bersama YB Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim,

Ahli Parlimen Baling telah menziarahi mangsa-mangsa banjir di Pekan Kupang Sejahtera, Baling, Kedah. YB Menteri Perpaduan Negara juga turut melakukan tinjauan ke Dapur Komuniti KRT di Kampung Bok Bak, Tanjung Nering, Kedah.





## KPN Semarak Uniti Keluarga Malaysia (SUKM)

Pada 17 Julai 2022, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara bersama anak-anak muda dari Sekretariat Rukun Negara (SRN), Kelab Rukun Negara (KRN), Jiran Muda dan Jiran Wanita Komuniti Rukun Tetangga (KRT) telah menonton filem Mat Kilau Kebangkitan Pahlawan di GSC Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

Program ini turut diadakan serentak di seluruh negara yang melibatkan tontonan seramai lebih 2,000 orang.

Program ini bertujuan untuk membangkitkan semangat cinta kepada agama, bangsa dan negara dan mengekalkan semangat perpaduan Keluarga Malaysia.





## Program Pementoran KPN Tahun 2022

Program Pementoran KPN Tahun 2022 telah diadakan pada 21 Julai 2022 yang melibatkan mentor dan mentee di Kementerian Perpaduan Negara.

Program ini telah melibatkan seramai 19 orang mentor dan 29 orang mentee yang berlangsung selama 6 bulan dengan 12 kali interaksi. Matlamat

Program ini adalah untuk mempertingkatkan kompetensi profesional dan perkembangan potensi para mentee melalui bimbingan dari pegawai yang berpengalaman.

Program diserikan dengan sesi perjumpaan bersama YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara yang telah menyampaikan amanat dan Surat Pelantikan Mentor dan Mentee KPN.



## Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Peringkat Negeri Kelantan

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 22 sehingga 24 Julai 2022 bertempat di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) turut menyertai program ini dengan mengadakan pameran KPN. Reruai KPN telah melaksanakan Kuiz Perpaduan, Congkak Perpaduan dan Roda Perpaduan kepada pengunjung yang hadir.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah merasmikan Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia tersebut.



## Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia (SUKM) Peringkat Parlimen Kota Tinggi, Johor

Program Semarak UNITI keluarga Malaysia Peringkat Parlimen Kota Tinggi, Johor telah diadakan pada 23 hingga 24 Julai 2022 di Dataran Tanjung Sedili, Kota Tinggi, Johor.

Menteri Perpaduan Negara turut menyampaikan Bantuan RT Cares kepada seramai 200 orang penerima sebelum menyertai penduduk kampung menikmati Jamuan Muhibah Keluarga Malaysia.

YB Datuk Halimah binti Mohamad Sadique turut menyampaikan bantuan RT Cares dan Kotak Prihatin MITRA kepada penerima di Kampung Baru Kota Kechil, Kota Tinggi, Johor.



